

19 NOV 2001

Mahathir-Insaf

UMAT ISLAM MALAYSIA PERLU INSAF NASIB KURANG BAIK ORANG LAIN

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia khususnya umat Islam perlu bersyukur dan insaf dengan kesejahteraan hidup yang dinikmati mereka berbanding rakyat negara lain yang tidak bernasib baik.

"Alhamdulillah di Malaysia, rakyat hidup dengan aman dan makmur. Kita perlu insaf dengan nasib orang yang kurang baik di negara Islam lain yang tidak aman dan tenteram, rakyatnya miskin dan menderita bahkan mungkin ada yang mati kebuluran," katanya semasa berucap pada majlis Nur Ramadan anjuran Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan di Masjid Saidina Osman Al Affan, Bandar Tun Razak di sini, hari ini.

Beliau berkata umat Islam negara ini, walaupun jauh, perlu menghulurkan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti rakyat Afghanistan yang ketika ini menderita akibat serangan Amerika Syarikat yang berusaha memburu pengganas.

Dr Mahathir menegaskan Malaysia tidak mempunyai halangan ke atas usaha Amerika memburu pengganas tetapi amat malang kerana serangan ke atas Afghanistan itu lebih banyak menyebabkan penderitaan dan menjadikan rakyat negara itu sebagai pelarian.

"Sebagai manusia yang mewah dan hidup aman, kita perlu insaf dan beri bantuan kepada mereka. Kita masih perlukan derma dan bantuan dan amat wajar di bulan puasa ini, kita menghulurkan bantuan sama ada kain baju atau duit," katanya

Dr Mahathir berkata menghulurkan bantuan merupakan satu ibadat bagi orang Islam manakala bagi orang bukan Islam ia amat dialu-alukan.

Katanya dengan menginsafi penderitaan orang lain, rakyat dan umat Islam Malaysia akan dikenali sebagai satu bangsa yang insaf dan tahu bersyukur dan akan menerima lebih banyak nikmat lain.

"Diharap kita dapat mengalakkan sikap yang baik ini (memberi bantuan) dan menjadi masyarakat penyayang bukan sahaja di bulan Ramadan kerana masyarakat yang penyayang akan menjadikan anggotanya lebih berjaya," katanya.

Dr Mahathir turut meminta umat Islam negara ini terus mengamalkan sikap sederhana dan memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat pelbagai agama dan berbilang kaum.

"Misalnya di majlis berbuka puasa, orang bukan Islam boleh dijemput untuk turut serta. Tidak menjadi satu kesalahan, dengan itu kita dapat rapatkan hubungan kaum-kaum di Malaysia dan bila ini dapat dilakukan, negara kita jadi aman dan stabil," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia berjaya menjalin hubungan antara kaum dengan baik dan tidak keterlaluan daripada segi amalan agama.

Katanya pada bulan Ramadan, orang bukan Islam turut menikmati hidangan dan juadah berbuka puasa yang disediakan di hotel-hotel dan restoran, dan yang lebih menarik ialah mereka tidak makan sehingga waktu berbuka puasa bagi bersama-sama dengan orang Islam yang mengerjakan ibadah puasa menikmati hidangan.

"Ia adalah satu petanda baik dan menunjukkan bahawa di kalangan masyarakat Malaysia yang berlainan agama, kita saling hormat menghormati... dan ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia adalah negara Islam, hak dan orang bukan Islam di negara ini tetap dihormati dan mereka hidup bebas dengan cara dan agama masing-masing.

Dengan mengambil berkat dan kesucian Ramadan, Perdana Menteri turut menasihatkan umat Islam supaya tidak hanya berpuasa tetapi juga menghentikan fitnah dan tidak bercakap bohong bagi menjadikan negara ini terus aman.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga menyampaikan bantuan kepada 15 daripada 1,800 individu kurang bernasib baik di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Setiap penerima bantuan menerima sumbangan wang tunai RM100, lima kilogram beras, sehelai sejadah, sebotol vitamin, senaskah Surah Yasin dan berdasarkan jantina penerima sepasang telekung atau sehelai kain pelekat.

Majlis Nur Ramadan 2001 ini adalah yang kedua diadakan bagi membolehkan mereka yang kurang bernasib baik menjalani ibadah puasa dengan lebih baik dan meringankan beban menyambut Hari Raya.

-- BERNAMA

HS AFY NAK